



**INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)**
www.ijepc.com



MODEL PEMBANGUNAN PERIBADI MUSLIM BERASASKAN PERSPEKTIF TEORI IBNU KHALDUN: SATU TINJAUAN AWAL

*MUSLIM PERSONAL DEVELOPMENT MODEL BASED ON IBN KHALDUN'S
THEORETICAL PERSPECTIVE: A PRELIMINARY OVERVIEW*

Nur Syazwani Japran^{1*}, Habibah @ Artini Ramlie²

¹ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: nur_Japran_Mq23@iluv.ums.edu.my

² Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: habibah_artini@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 27.03.2025

Revised date: 17.04.2025

Accepted date: 27.05.2025

Published date: 26.06.2025

To cite this document:

Japran, N. S., & Ramlie, H. A. (2025). Model Pembangunan Peribadi Muslim Berasaskan Perspektif Teori Ibnu Khaldun: Satu Tinjauan Awal. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 10 (58), 922-940.

DOI: 10.35631/IJEP.C.1058058.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



Abstrak:

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berusaha mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) bagi melahirkan insan yang seimbang dari sudut intelek, rohani, emosi dan jasmani. Namun, masalah gejala sosial dan keruntuhan akhlak kalangan remaja semakin membimbangkan terutamanya dari sudut tingkah laku mereka. Hal ini kerana kepesatan peredaran zaman menjadikan masalah tingkah laku remaja meningkat bahkan semakin hari terpengaruh dengan persekitaran yang pelbagai. Persekitaran negatif mampu memberikan impak buruk terhadap akhlak remaja namun sekiranya persekitaran itu dididik dengan penghayatan agama maka akan lahirnya tingkah laku positif sehingga terbinanya sahsiah keperibadian Muslim. Oleh itu, kertas ini akan membincangkan pembangunan model keperibadian Muslim berpandukan Teori Persekutaran Ibnu Khaldun. Kajian memfokuskan Teori Persekutaran Ibnu Khaldun dan menjadikan Teori Bronfenbrenner sebagai sokongan dalam membina model keperibadian Muslim. Selain itu, bagi membangun model ini, penelitian dijalankan berdasarkan dua aspek iaitu faktor pembentukan sahsiah keperibadian Muslim dan cabaran membentuk sahsiah keperibadian Muslim. Metode kajian menggunakan kajian perpustakaan. Hasil kajian mendapati persekitaran memberikan kesan terhadap perkembangan tingkah laku seseorang. Kesimpulannya, kajian ini diharapkan dapat membantu sebagai satu rujukan dalam membina keperibadian Muslim dalam diri remaja dan menyumbang kepada penyelesaian bagi membendung tingkah laku negatif.

Kata kunci:

Ibnu Khaldun, Teori Persekutaran, Keperibadian Muslim

Abstract:

The Malaysian Ministry of Education (MOE) in order to achieve the goal of National Education Philosophy (NEP), aiming to create individuals who are balanced and harmonious in terms of physical, emotional, spiritual, and intellectual aspects. However, the decline in social and morals among younger generations is in serious concern, especially their behaviour. This is because rapidity by passage of time makes adolescent behaviour problems increase even more day by day, influenced by a diverse environment. A negative environment can make a bad impact on a teenager's morals, but if the environment is full of identification with the practice of Islamic education, positive behaviour will be born and the character of Muslim personality will show. Therefore, this paper will discuss the development of Muslim personality model based on Ibnu Khaldun's Environmental Theory. This study focuses on Ibnu Khaldun theory and also uses Bronfenbrenner's Ecological Theory as support in building a Muslim Personality Model. In order to develop this model, this research takes two main aspects which are factors in development of Muslim personality and challenge of forming Muslim personality. This study method uses library research. The results show the development of personality is influenced by their environment. In conclusion, the results of the study are expected to help as a reference in building Muslim personality in teenagers and contribution of solutions in curb negative behaviour.

Keywords:

Ibnu Khaldun, Ecology Theory, Muslim Personality

Pengenalan

Corak kehidupan masyarakat kini kian berubah sehingga menjadikan perwatakan, budaya mahupun cara hidup masyarakat berubah secara pantas seiring dengan perkembangan negara kerana pembawaan suasana persekitarannya. Impak perubahan persekitaran ini telah memberikan kesan kepada masyarakat terutamanya golongan remaja. Mohd, Mohd Ghazali, Mohammad Zaini (2022) menyatakan karakter manusia dipengaruhi oleh persekitaran bahkan Islam juga menekankan tumbesaran anak-anak perlu dalam persekitaran yang soleh.

Perkara ini sangat bertepatan dengan teori yang telah diperkenalkan oleh Ibnu Khaldun (1332M-1406M) iaitu teori ekologi jelas menunjukkan persekitaran mempunyai perkaitan dengan pembentukan diri. Teori Persekutaran Ibnu Khaldun membahaskan akan aktiviti sosial manusia sangat dipengaruhi oleh faktor pengalaman dan tingkah laku dalam lingkungan persekitaran mereka (Sairan & Ahmad, 2022). Hal ini menunjukkan bahawa persekitaran memberikan pengaruh besar terhadap pembentukan peribadi seseorang. Tambahan lagi, diperkuatkan lagi dengan teori ekologi barat daripada Bronfenbrenner (1917-2005) yang merujuk kepada proses perkembangan dan pertumbuhan melalui sistem persekitaran.

Melalui konteks pendidikan, Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) sangat menekankan perkembangan yang seimbang dalam diri pelajar. Hal ini juga turut termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 (PPPM) anjakan ketiga yang menumpukan

aspek kecemerlangan sahsiah dalam kalangan pelajar. Remaja adalah aset penting bagi sebuah negara bahkan remaja yang mempunyai akhlak yang baik mampu membina generasi baik serta kestabilan negara masa hadapan (Azizan, Ismail, Mohd Zin & Zainuddin, 2021). Oleh itu, setiap aktiviti yang dilaksanakan perlu berlandaskan kepada eleman yang ditekankan dalam FPK agar mampu melahirkan insan yang seimbang (Rosli, Mahmud & Azni, 2022).

Apabila berada dalam persekitaran atau suasana yang baik mahupun buruk, golongan remaja terutamanya pelajar sekolah tidak dinafikan mempunyai perasaan ingin tahu dan meneroka suatu yang baru (Ismail, Awang Halifah & Makhsin, 2022). Keselesaan dengan tindakan yang berulang dalam suatu persekitaran tersebut memberikan impak kepada akhlak remaja tersebut. Menurut Mohd et al. (2022), karakter manusia itu dipengaruhi oleh persekitaran bahkan Islam menekankan tumbesaran anak-anak perlu dalam persekitaran yang soleh. Sekiranya persekitaran itu membawa kepada tindakan yang positif maka akan lahirnya tingkah laku positif begitu juga sebaliknya.

Oleh itu, Suasana iklim sekolah perlu mengikut ciri Islam yang sebenar bahkan pelaksanaan aktiviti pendidikan perlunya ada aspek kasih sayang, menghormati dan persekitaran harmoni akan memberikan kejayaan kepada sahsiah serta pencapaian pelajar (Rahman, Che Hassan, & Fakharuddin, 2024). Mewujudkan persekitaran yang menekankan nilai agama dan moral akan mewujudkan insan yang memiliki keperibadian yang baik namun jika persekitaran itu tidak menekankan nilai baik maka akan melahirkan keperibadian yang buruk. Menurut Abdullah (2022), suatu tindakan yang diamalkan atau dilakukan setiap hari dan berulang akan menjadi satu tabiat serta amalan dalam kehidupan sehari-hari seseorang.

Latar Belakang

Menurut Syed Aziz, Mastor, & Kasan (2022) dalam al-Hasyimi (1981), sahsiah dalam perspektif pendidikan Islam merujuk kepada akhlak seseorang kepada Allah, diri sendiri, anak-anak, isteri, keluarga, masyarakat dan alam seluruhnya ketika berlaku interaksi. Pembentukan sahsiah tidak hanya terkait dengan pembangunan insan dari aspek jasmani, naluri dan akal tetapi merangkumi aspek kerohanian bahkan dipengaruhi oleh persekitaran kehidupan seseorang (Syed Aziz et al., 2022). Hal ini menunjukkan bahawa persekitaran amat besar pengaruhnya bahkan perkembangan seseorang turut berkait rapat dengan peredaran zaman (Arifin & Mat Teh, 2020).

Menurut Ibnu Khaldun, pendidikan bukan hanya meliputi proses pembelajaran dan pengajaran tetapi merupakan proses di mana manusia secara sedar menangkap, menyerap dan menghayati peristiwa alam sepanjang zaman (Ibnu Khaldun, 2006). Manusia akan mampu melahirkan sikap yang baik sekiranya persekitaran mereka memberikan impak yang positif kerana kehidupan dan persekitaran manusia adalah berbeza. Berdasarkan kepada teori persekitaran Bronfenbrenner, perkembangan seseorang adalah hasil daripada pengaruh persekitaran yang mana teori ini lebih mengutamakan persekitaran terhadap perkembangan manusia (Simai Suka, Rahman & Surat, 2021). Selain itu, sistem pendidikan sangat memerlukan sokongan persekitaran iaitu ibu bapa, rakan sebaya, guru dan sebagainya dalam mencapai dan melahirkan insan yang cemerlang serta seimbang dari sudut sahsiah dan akademik (Ghazali et al., 2023)

Ibnu Khaldun (2002) berpendapat bahawa usaha dalam menghasilkan akhlak yang baik perlu kepada persekitaran yang baik kerana akhlak yang baik terhasil daripada satu suasana yang soleh. David Fonta (1977) melalui Ahmad & Tengku Kasim (2020) turut menegaskan bahawa personaliti seseorang itu terbentuk melalui persekitaran dan situasi yang dialami sama ada

dalam keadaan sedar mahupun tidak sedar. Oleh itu, pembangunan sahsiah seseorang melalui persekitaran akan memberikan kesan terhadap kualiti hidup sama ada dari aspek penampilan, sikap, tingkah laku, pemikiran, perasaan, sosial dan rohani.

Permasalahan Kajian

Terdapat pelbagai model yang dibangunkan dalam membentuk suatu keperibadian mahupun sahsiah seseorang. Fokus kebanyakan model pembentukan sahsiah yang dibangunkan lebih kepada pengajaran dan pembelajaran, dakwah, aktiviti kerohanian, penyucian jiwa dan sebagainya. Secara umumnya, persekitaran seseorang merupakan punca utama berlakunya keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja pada masa kini. Hal ini telah disokong oleh Berne (1964), setiap perlakuan, pemikiran dan perasaan seseorang tidak terlepas daripada pengaruh persekitaran dan desakan daripada orang terdekat seperti keluarga, rakan dan masyarakat.

Mohamad Amin, Zakaria, Spawi, Isleh & Anuar (2024) turut menegaskan bahawa persekitaran merupakan elemen paling dekat dengan suatu pembentukan identiti remaja pada masa kini. Menurut Mohamad, ABD Razak & Ibrahim (2022), persekitaran mahupun suasana yang baik adalah termasuk dalam elemen yang perlu dititik beratkan dalam membentuk suatu tingkah laku. Hal ini bertepatan dengan realiti remaja pada masa kini lebih kepada hidup bebas yang mana boleh diertikan sebagai mengamalkan konsep liberalisme. Liberalisme ini merujuk kepada kehendak atau kebebasan dalam kegiatan ekonomi yang mana meletakkan kebebasan individu sebagai nilai politik yang tinggi (Mohamad Kamil, Mohd Khambali & Wan Ramli, 2022).

Kebebasan yang diamalkan oleh remaja kini amat mempengaruhi cara hidup mereka kerana pengaruh sosial yang negatif akan menjadikan seseorang itu jauh dari cara hidup Islam yang sebenar. Tambahan lagi, sesiapa yang membesar dalam keadaan atau persekitaran yang penuh pemaksaan dan penindasan maka ia akan menjadikan seseorang itu keras serta memiliki peribadi yang sempit bahkan tidak tumbuh dengan baik (Ibnu Khaldun, 1967, 1993). Teori Persekitaran sangat membantu dalam mencari jalan penyelesaian bagi kepincangan akhlak remaja pada masa kini yang jelas menunjukkan persekitaran adalah penyumbang terbesar dalam isu salah laku remaja.

Faktor persekitaran tidak hanya melibatkan suasana tempat tetapi juga melibatkan ibu bapa, guru, rakan dan pengaruh media. Kesemua ini termasuk dalam faktor persekitaran seputrimana yang menurut pandangan Ibnu Khaldun dan Bronfenbrenner dalam teori persekitaran mereka. Menurut Mohamad Amin et al. (2024) berpendapat bahawa persekitaran sosial terpenting dan mempengaruhi pembentukan diri ialah ibu bapa, rakan sebaya dan sekolah kerana merupakan faktor persekitaran yang terdekat dan sering berlakunya interaksi.

Teori ini turut membuktikan bahawa persekitaran menjadikan setiap aktiviti yang dilakukan akan menjadi suatu amalan sehari-hari seseorang. Mohd Zabidi & Wan Abdullah (2021) turut menyokong bahawa persekitaran adalah sesuatu aktiviti yang dilalui oleh seseorang sehingga terpahat lama dalam kehidupan. Mohamad et al. (2022) sangat menekankan bahawa perlunya seseorang itu berada dalam suasana yang baik serta bermuamalah dengan persekitaran yang boleh memberikan input positif dalam kehidupan sehari-hari. Oleh itu, menjaga persekitaran sangat penting dalam mendapatkan kesan yang positif dalam diri bahkan melahirkan insan yang memiliki akhlak yang baik kerana ia sangat bersangkutan paut dengan aktiviti harian yang menjadi amalan dalam hidup.

Masalah sahsiah golongan remaja yang melibatkan persekitaran tidak hanya membuktikan bahawa sekolah agama terlepas dengan masalah tingkah laku. Sebaliknya golongan remaja juga boleh dipengaruhi oleh faktor persekitaran sosial lain seperti media massa, rakan sebaya ibu bapa dan sebagainya. Tambahan lagi pelajar sekolah tahniz tidak terlepas dengan kepincangan sahsiah kerana mereka ini juga golongan merupakan golongan remaja yang dalam proses mencari identiti diri berdasarkan acuan dan pengaruh sekitar (Syed Aziz et al., 2022). Oleh itu, segala permasalahan berkaitan salah laku remaja sangat bersangkut-paut dengan pertumbuhan mereka lalui dan juga persekitaran tempat mereka maka bagi mencegah permasalahan ini adalah dengan penghayatan agama yang mendalam (Daradjat, 1970).

Ghazali et al. (2023) menyatakan bahawa setiap individu adalah berbeza dan perbezaan ini terjadi mengikut faktor emosi dan perkembangan yang terhasil dari persekitaran mereka. Hal ini menunjukkan bahawa persekitaran mengasilkan pelbagai bentuk peribadi dalam diri seseorang mengikut sejauhmana penekanan nilai terhadap suatu tingkah laku. Seseorang yang berada dalam persekitaran yang menekankan nilai positif akan sebat dengan tingkah laku positif begitu juga sebaliknya. Hal ini juga bertepatan dengan pandangan Ibnu Khaldun (2002) iaitu seseorang yang dibiasakan dengan tingkah laku baik akan menjadi tabiat harian mereka dan seseorang yang dibiasakan dengan nilai buruk akan melahirkan tabiat yang buruk.

Objektif Kajian

1. Mengenalpasti faktor-faktor persekitaran yang mempengaruhi pembentukan keperibadian Muslim.
2. Menganalisis cabaran yang wujud dalam melahirkan keperibadian Muslim dalam diri pelajar.
3. Membangun model sahsiah keperibadian Muslim berpandukan Teori Persekitaran Ibnu Khaldun.

Persoalan Kajian

1. Adakah terdapat faktor-faktor persekitaran yang mempengaruhi pembentukan keperibadian Muslim?
2. Dalam konteks pembentukan keperibadian Muslim, apakah cabaran yang dihadapi dalam membentuk keperibadian Muslim dalam diri?
3. Apakah bentuk model sahsiah keperibadian Muslim yang sesuai dibangunkan berpandukan Teori Persekitaran Ibnu Khaldun?

Kajian Literatur

Terdapat lapan isi penting yang akan dibincang dalam kajian ini iaitu Pembangunan sahsiah muslim dan tingkah laku, tingkah laku bermasalah, hubungan pembentukan sahsiah dan persekitaran. Seterusnya pengenalan kepada teori persekitaran Ibnu Khaldun dan Bronfenbrenner, Hubungan teori persekitaran dengan Pembangunan sahsiah, faktor persekitaran dan cabaran pembentukan sahsiah. Lapan isi penting ini merupakan tunjung utama dalam membincang isu kajian yang dijalankan.

Pada dasarnya, persekitaran menjadi tunjang utama dalam mewujudkan suatu perubahan tingkah laku dalam diri seseorang. Oleh itu, menjaga atau berada dalam suatu lingkungan suasana yang baik sangat dituntut agar mampu memberikan impak yang positif kepada diri. Bagi memastikan perkembangan seseorang itu sihat, kepentingan dalam mengambil berat akan persekitaran mereka sangat penting (Musa, 2021). Tuntutan dalam berada dalam persekitaran

yang baik sangat membantu dan diperlukan kerana ia akan menjadi peringatan kepada seseorang dalam melakukan perkara yang bercanggah dan dilarang (Mohamad et al., 2022).


Ahmad et al. (2022) menyatakan bahawa persekitaran memainkan peranan penting dalam menghayati dan menanamkan nilai dalam diri seseorang. Manakalah, Jamat, Djasmir & Surat (2023) menegaskan akhlak merupakan asas utama dalam Islam serta merupakan tuntutan kepada manusia memiliki akhlak mulia. Hal ini menunjukkan bahawa persekitaran dan pembangunan sahsiah adalah saling berkait dan dalam membentuk keperibadian yang baik memerlukan sokongan persekitaran. Pendidikan yang berkualiti mampu melahirkan modal insan yang berfikiran kritis, kreatif dan inovatif bahkan dapat mencorakkan negara ke arah lebih cemerlang (Remly, Abdul Halim & Azmi, 2022).

Bidang pendidikan pada masa kini dilihat sering kali dicemari dengan permasalahan disiplin bahkan memberikan impak negatif kepada pembangunan sahsial sosial dan kesihatan (Remly et al., 2022). Musleh & Mamat (2023) berpendapat bahawa remaja bertanggapan bahawa tingkah laku bermasalah adalah cara mereka meluahkan perasaan kerana bagi mereka sukar untuk dikawal dengan cara yang betul. Khasinah & Ningsih (2023) menggelar tingkah laku mengganggu ini sebagai *disruptive behavior of student* iaitu perilaku yang buruk atau kurang baik di mana gangguan dalam proses pengajaran dan pembelajaran sehingga mempengaruhi guru dan pelajar lain. Oleh itu proses pendidikan tidak hanya tertumpu kepada aktiviti bilik darjah tetapi perlu meliputi proses yang lebih produktif, membina kemahiran, pembangunan sahsiah, integrasi serta pengukuhan emosi dan rohani (Abdullah, Jaes, Rozali, Azhar, Kamaruddin & Maula, 2022).

Berdasarkan kepada isu keruntuhan akhlak dalam kalangan pelajar maka amalan cara Islam mampu wujudkan satu persekitaran yang memberikan impak kepada akhlak remaja. Keperluan kepada suasana keagamaan bertepatan dengan pendapat Euseope (2021) bahawa pembentukan akhlak dalam diri berkait rapat dengan pegangan agama melalui kepercayaan yang dipupuk dalam kehidupan. Wan Muda, Mohd Zainol, Ab Ghani, Ismail & M.Z (2022) melalui hasil dapatannya menunjukkan bahawa pembentukan personaliti kepimpinan pelajar dipengaruhi oleh sokongan persekitaran. Rahman et al. (2024) turut menekankan sekiranya persekitaran itu menjadikan agama sebagai sumber utama dalam kehidupan seharian maka sudah tentu ia akan menjadi faktor kepada terbinanya kemenjadian pelajar yang berakhlaq mulia.

Teori Persekitaran yang dibangunkan oleh Ibnu Khaldun sangat berkait rapat dengan suatu pembangunan sahsiah diri seseorang. Teori ini telah membuktikan bahawa persekitaran akan menentukan suatu perubahan tingkah laku seseorang kerana pengaruh persekitaran akan mempengaruhi seseorang dalam membuat suatu keputusan. “*Barang siapa yang tidak dididik oleh ibu bapanya akan terdidik oleh zaman*”, Ibnu Khaldun telah menggariskan bahawa persekitaran yang baik sangat diperlukan bagi menghasilkan akhlak yang baik begitu juga dengan sebaliknya kerana ia amat mempengaruhi tabiat kehidupan harian manusia. Rajah berikut menunjukkan satu aliran persekitaran yang menghasilkan satu tindakan berdasarkan pandangan Ibnu Khaldun (2002):

Rajah 1: Teori Ibnu Khaldun



(Sumber: Diubahsuai dari Ibnu Khaldun (2002)

Teori Ekologi Bronfenbrenner mempunyai perkaitan dengan teori Teori Persekutaran Ibnu Khaldun, yang mana keduanya mempunyai perkaitan dengan perkembangan peribadi seseorang. Teori ini menunjukkan bahawa persekitaran seseorang memainkan peranan bahkan Hidayah, Febrianti, & Virgianti (2024) menyokong bahawa perkembangan seseorang bermula melalui interaksi yang berlaku dalam lingkungan sekitar mereka. Oleh itu, Teori ekologi ini membuktikan perkembangan kanak-kanak sebagai satu proses dua hala dan timbal balik antara perkembangan individu dan mereka yang berada di sekitarnya termasuk guru, ibu bapa, rakan sebaya, media massa dan komuniti (Antony, 2022).

Ibnu Khaldun meletakkan persekitaran sebagai suatu perkara yang penting dalam kehidupan seseorang yang sudah tentu saling bergantung dengan faktor-faktor persekitaran yang terlibat (Abdul Rahman, 2023). Padzil (2021) turut menyokong akan pandangan Ibnu Khaldun iaitu tingkah laku dipengaruhi oleh persekitaran dan perlunya dititikberatkan pengubahsuaian persekitaran seseorang dalam mengubah suatu tingkah laku. Oleh itu, anak-anak akan mempelajari sesuatu berdasarkan perlakuan yang menjadi kebiasaan mereka sakali gus perlakuan anak-anak berubah mengikut acuan persekitaran mereka (Musa, 2021).

Melalui pandangan Ibnu Khaldun dalam bukunya berkaitan teori ini di mana seseorang akan mempelajari sesuatu melalui peristiwa yang berlaku di sekelilingnya. Seseorang itu akan mengutip setiap pengetahuan melalui pengalaman dalam suasana peristiwa yang terjadi bahkan melalui interaksi daripada orang sekelilingnya. Menurut beliau, seseorang akan memperoleh pengetahuan sama ada baik mahupun yang buruk melalui persekitaran mereka. Pengetahuan ini akan menghasilkan tingkah laku bersesuaian dengan hubungan faktor persekitaran yang terlibat di mana setiap interaksi dan pembelajaran pada setiap pengalaman dalam persekitaran akan memberi impak kepada diri seseorang (Ibnu Khaldun, 2024).

Tingkah laku seseorang mempunyai hubungan kait dengan persekitaran melalui interaksi yang berlaku diantara keduanya akan mempengaruhi keperibadian seseorang (Valaitham et al., 2024). Hal ini juga turut dibuktikan oleh Salleh & Mohad Yunus (2024) yang menyatakan pembentukan karakter seseorang itu adalah bergantung kepada kepelbagaiannya budaya sepertimana yang ditekankan dalam teori ekologi. Oleh itu, seseorang akan mudah dipengaruhi oleh pembawaan suasana sekitar dan juga penekanan dalam persekitaran itu mampu memberikan impak kepada tingkah laku mereka.


Rahaman et al. (2024) menyatakan bahawa kepentingan persekitaran dalam pembentukan identiti seseorang tidak boleh dipandang remeh. Peranan persekitaran ini melibatkan ibu bapa, media massa, sekolah atau tempat, rakan sebaya dan guru kerana kesemua ini memberikan pengaruh besar dalam pembentukan jati diri seseorang. Tambahan lagi, Para sarjana Islam turut

menyokong dan melihat bahawa cabaran persekitaran adalah sangat besar dan perlunya dikaji dalam membangun keperibadian mahupun sahsiah yang baik dalam diri. Ramdzan & Ramly (2024) turut mengukuhkan bahawa persekitaran yang baik diperlukan dalam melahirkan insan yang berkualiti sepetimana pandangan Teori Persekutaran Ibnu Khaldun.

Metodologi Kajian

Kajian kepustakaan merujuk kepada mengumpul data melalui bahan bacaan dan buku kemudian disimpulkan (Khitibah, 2011). Selain itu, kajian ini juga merupakan satu kegiatan penelitian dengan cara mengumpul maklumat dan data melalui sumber yang material atau melalui internet berkaitan isu kajian (Sari & Asmendri, 2020). Oleh itu, pengumpulan data melalui kaedah ini adalah melalui buku, artikel mahupun kajian lepas yang mempunyai kaitan dengan isu yang dikaji oleh pengkaji. Sehubungan dengan itu, pengkaji mendapatkan segala data berkaitan isu kajian melalui kaedah kajian kepustakaan terlebih dahulu bagi melihat gambaran awal. Pengkaji mendapatkan segala data berkaitan melalui buku, jurnal, artikel, laporan daripada agensi kerajaan dan lain-lain. Data dan maklumat yang dikumpul melalui bahan-bahan ini mempunyai perkaitan dengan isu kajian iaitu pembentukan sahsiah keperibadian Muslim dan hubungannya dengan Teori Persekutaran Ibnu Khaldun. Kesemua sumber ini ada yang diperoleh daripada perpustakaan, sumber internet iaitu *google scholar* dan sebagainya. Penyediaan kajian ini di rujuk dalam rajah 2 menunjukkan carta aliran kajian ini.

Rajah 2: Carta Alir Kajian



Dapatan Kajian

Pembentukan keperibadian merupakan salah satu proses yang kompleks dan dipengaruhi oleh beberapa faktor yang terlibat seperti ibu bapa, persekitaran, sekolah, rumah dan budaya. Melalui Konteks ini, Teori Persekutaran Ibnu Khaldun menunjukkan kerangka penting dalam memahami kesan yang mampu dibawa oleh persekitaran kepada pembentukan sahsiah seseorang. Berdasarkan persekitaran dapat difahamkan bahawa persekitaran mampu menghasilkan tabiat dan akhlak seseorang dalam kehidupan harian mereka. Interaksi yang terhasil daripada persekitaran sosial yang terlibat seperti ibu bapa, guru, rakan, sekolah dan rumah sangat mempengaruhi pembentukan keperibadian individu khususnya golongan remaja.

Namun demikian, hal ini juga dapat dilihat turut melibatkan pelbagai cabaran dalam membentuk keperibadian yang baik dalam diri. Antaranya ialah cabaran daripada sistem pendidikan, didikan agama, rakan sebaya dan media massa. Oleh itu, dapatan kajian ini memberikan tumpuan kepada hubungan persekitaran dan pembentukan keperibadian diri berdasarkan kepada perspektif Ibnu Khaldun. Antara Dapatan kajian yang telah dikenalkan pasti adalah berdasarkan kepada jadual 1.

Jadual 1: Dapatan Kajian

Penulis & Tahun	Tajuk Kajian	Kod / Sub-Tema	Dapatan Kajian
Shafrianto & Pratama (2021)	Pendidikan Akhlak Dalam Perspektif Buya Hamka.	Didikan agama, ibu bapa.	<ul style="list-style-type: none"> Pendidikan akhlak sangat penting dan perlu diterapkan dalam persekitaran anak-anak. Pendidikan akhlak tidak melibatkan faktor luaran (adab dan tingkah laku) tetapi juga dalaman (hati dan jiwa)
Ismail et al. (2022)	Program Pementoran Islam Rakan Sebaya Sebagai Medium Pendidikan Adab di Era Society 5.0	Persekutaran, Guru, Rakan Sebaya	<ul style="list-style-type: none"> Persekutaran yang baik mampu membangun keperibadian diri yang baik. Mentor/Guru mempunyai pengaruh kuat.
Mohd Zurita & Engku Alwi (2022).	Hubungan Akidah Dan Akhlak Dalam Pembentukan Individu Muslim Di Malaysia.	Media Massa, sistem pendidikan.	<ul style="list-style-type: none"> Media Massa juga dibuktikan menjadi penyumbang kepada peningkatan statistik keruntuhan akhlak. Sistem pendidikan negara juga mampu memberikan impak

			<p style="text-align: right;">negatif kerana kurangnya fokus kepada perkembangan akhlak pelajar.</p>
Wan Ismail et al. (2022)	Peranan Pengurusan Dan Persekutaran Kolej Profesional Mara Dalam Pelaksanaan Program Mukmin Profesional (Pmp) Terhadap Karakter Pelajar.	Rakan Sebaya, persekitaran, sekolah.	<ul style="list-style-type: none"> ● Hubungan sokongan kepimpinan, pentadbir dan sekolah sangat signifikan dengan pembangunan sahsiah pelajar. ● Memilih rakan yang baik sangat dituntut dalam Islam.
Abdul Rahman, H. (2023).	Sumbangan Islam Dalam Korpus Ilmu Berkaitan Persekutaran	Persekutaran Islam	<ul style="list-style-type: none"> ● Persekutaran yang menekankan nilai Islam yang menitik beratkan nilai, etika dan syariah akan memberikan sumbangan terhadap pembangunan lestari.
Ramdzan & Ramly (2024)	Faktor Dorongan Amalan Pengajaran Abad Ke-21 Guru Pendidikan Islam di Sekolah Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25)	Persekutaran, Guru, Budaya sekolah	<ul style="list-style-type: none"> ● Persekutaran yang baik mampu membentuk akhlak pelajar. ● Faktor luaran yang terlibat ialah persekitaran sekolah dan pembangunan program. ● Guru memainkan peranan penting dalam mengukuhkan lagi kemenjadian murid.
Ramly et al. (2024)	Pendekatan As-Sunnah Dalam Mendepani Masalah Disiplin Pelajar: Kajian Terhadap Kutub Sittah	Teori Persekutaran Ibnu Khaldun, Persekutaran.	<ul style="list-style-type: none"> ● Persekutaran yang baik mampu menangani masalah sosial. ● Penekanan terhadap nilai agama mampu membangun insan yang seimbang.
Mohamad Amin et al. (2024)	Trend Persekutaran Sosial Dan Implikasi Terhadap Tanggungjawab Diri	Ibu Bapa, guru, sekolah	<ul style="list-style-type: none"> ● Ibu bapa memberi pengaruh terbesar dan merupakan faktor persekitaran yang

	Remaja Generasi Z.		<ul style="list-style-type: none"> • pertama membentuk diri anak-anak.
Valaitham, Abdullah, Mansor & Fitriani (2024)	Penglibatan Komuniti Dalam Program Pemulihan Remaja Hamil Luar Nikah Di Rumah Perlindungan Terpilih.	Persekutaran, Komuniti, Faktor Persekutaran yang terlibat, Teori Persekutaran	<ul style="list-style-type: none"> • Tingkah laku akan berhasil bergantung kepada Interaksi yang berlaku antara seseorang dengan persekitaran.
Sanjaya, (2025).	A. Pembiasaan Sholat Dhuha Berjamaah Untuk Membentuk Karakter Siswa Di Mas Plus Al Ulum.	Persekutaran nilai Islam.	<ul style="list-style-type: none"> • Keperibadian, sikap dan tabiat seseorang itu bergantung kepada kebiasaan amalan mereka dalam suatu suasana yang dilakukan secara berulang.

Faktor Persekutaran Terlibat Dalam Mempengaruhi pembentukan Sahsiah.

Guru

Guru dan warga sekolah pula menjadi agen sosial dalam harian seseorang di sekolah bahkan menyumbang kepada perubahan tingkah laku seseorang. Hal ini merangkumi kepada setiap aspek ucapan, perilaku dan sikap yang ditonjolkan memberi pengaruh besar kepada proses perkembangan diri seseorang (Mohamad Amin et al., 2024). Merujuk PPPM komitmen guru pendidikan Islam amat penting dan perlu bersedia dalam menyediakan diri sebagai pembina dan pemimpin agar dapat melahirkan warganegara yang bertanggungjawab sebagai khalifah allah dan berupaya membentuk adab pelajar (Sahrin & Abdul Ghani, 2022). Hal ini membuktikan bahawa guru termasuk dalam salah satu faktor persekitaran yang mempengaruhi akhlak pelajar.

Rahman et al. (2024) berpendapat bahawa segala ucapan, perbuatan maupun tingkah laku guru adalah ikutan dan dijadikan sebagai peniruan kerana guru adalah faktor sosial yang mempengaruhi dalam pembentukan keperibadian pelajar. Namun yang demikian, pembentukan sahsiah pelajar bukanlah mudah bagi guru kerana terdapat kekangan masa disebabkan gangguan dengan aktiviti lain sehingga menyebabkan sukar bagi guru untuk memberi perhatian terhadap masalah akhlak pelajar. seorang guru bertanggungjawab dalam

perkembangan murid bahkan menjadi penentu kepada keberhasilan pembentukan karakter murid (Munif, Rozi & Yusrohlana, 2021).

Ibu Bapa

Mohamad Amin, Zakaria, Spawi, Rahman, Isleh & Anuar (2024) menyatakan bahawa ibu bapa merupakan agen sosial dalam kehidupan seseorang semasa berada di rumah bahkan mempengaruhi sebahagian besar tingkah laku remaja. Bounrid (1971) telah membahagikan gaya asuhan ibu bapa kepada tiga jenis iaitu *autoritatif*, *authoritarian* dan permisif yang mana ketiga asuhan ini perlu diketahui ibu bapa dalam mengaplikasikan kepada interaksi dengan anak-anak (Musleh & Mamat, 2023). Cara didikan dan pengaruh yang dibawa oleh ibu bapa di rumah memberikan kesan kepada tingkah laku anak-anak bahkan wujudnya konsep peniruan dalam setiap yang ditunjukkan oleh ibu bapa.

Menjadi tanggungjawab ibu bapa bagi mendidik perasaan hormat dalam diri pelajar kerana setiap tindakan yang dilakukan oleh ibu bapa akan cepat dicontohi dan diaplikasi oleh pelajar berdasarkan pemerhatian mereka (Rustum, Tiong, Ejaipli, Adilah, Panjabi, Hussin, Ismail, Husaini & Husin, 2022). Namun demikian, segelintir ibu bapa mengabaikan anak-anak disebabkan kesibukan bekerja menjadikan anak-anak terbiar tanpa pengawasan dan kasih sayang (Omar & Shihabudin, 2021). Sekiranya ibu bapa kurang mengambil berat akan anak-anak dan membiarkan perlakuan mereka tanpa bimbingan akan menjadikan anak-anak sukar membezakan perkara baik mahupun buruk. Oleh itu, bimbingan ibu bapa amat diperlukan dan menjadi salah satu sokongan persekitaran dalam melahirkan insan yang mempunyai keperibadian yang baik.

Rakan Sebaya

Berdasarkan kepada kajian Ismail et al. (2022) menekankan bahawa pemilihan rakan sangat penting kerana rakan merupakan faktor persekitaran yang memberikan pengaruh kepada akhlak seseorang. Remaja perlu bijak dalam memilih rakan sebagai dorongan mereka dalam menyesuaikan diri dengan persekitaran baru kerana rakan menjadi individu meluangkan masa bersama tanpa penguasaan ibu bapa. Tambahan lagi, rakan sebaya mampu menggantikan tempat ibu bapa dalam kehidupan seseorang kerana pengaruh rakan sebaya sangat kuat sekiranya peranan dan pengaruh ibu bapa memberikan impak yang kurang. Banyak kajian turut mengatakan pengaruh ibu bapa semakin berkurang sehingga menjadikan anak-anak banyak menghabiskan masa mereka bersama rakan sebaya (Basri, Amir & Amran, 2021).

Pengaruh dari rakan sebaya adalah pendorong kepada diri seseorang kerana perubahan personaliti murid mengikut retak personaliti rakan sebaya kerana setiap perlakuan dilakukan bersama (Ghazali et al., 2023). Ismail et al. (2022) juga turut menjelaskan bahawa pengaruh negatif yang dibawa oleh rakan sebaya sangat bertentangan dengan norma masyarakat bahkan ajaran agama kerana realiti remaja masa kini lebih cenderung kepada aktiviti tidak bermoral. Interaksi yang berlaku antara rakan sebaya mempengaruhi perkembangan pelajar terutamanya dalam aspek intelek, shasiah, emosi dan sosial serta pembentukan akhlak pelajar di sekolah (Mustafa Kamal, Hussin & Sulaiman, 2022). Oleh itu, pengaruh rakan sebaya sangat memberikan kesan kepada perkembangan tingkah laku dari setiap sudut bahkan pengaruh rakan sebaya juga menjadi salah satu penyumbang kepada kepincangan tingkah laku bermasalah.

Tempat Tinggal dan Sekolah

Mengikut kepada kajian Hendri & Hanani (2024) menyatakan bahawa pentingnya membina sebuah suasana persekitaran tempat tinggal yang positif dan budaya yang baik bagi membangun keperibadian anak-anak. Hal ini bertepatan dengan pandangan Ibnu Khaldun (2002), remaja yang dibesarkan dalam persekitaran yang tegas tetapi tidak kasar dan penuh kasih sayang akan cenderung memiliki sahsiah yang mulia. Tambahan lagi, dalam buku *Muqaddimah* beliau, seseorang yang dibesarkan dengan penuh penindasan dan kekerasan akan menjadikan ia mempunyai sikap memberontak serta keperibadian yang negatif.

Selain itu, keperluan dalam mewujudkan persekitaran sekolah yang positif sangat penting sepertimana yang ditekankan oleh Ibnu Khaldun bagi mewujudkan remaja yang seimbang. Persekitaran sekolah yang menekankan kepada nilai moral dan rohani selaras dengan pandangan Ibnu Khaldun akan dapat membentuk remaja yang seimbang dalam semua aspek (Hasanah, Asrоріah & Chasanah, 2024). Rahman et al. (2024) berpendapat bahawa persekitaran sekolah memberi kesan kepada kehidupan pelajar bahkan persekitaran sekolah yang positif mendorong perilaku yang baik begitu juga sebaliknya dan ia menjadi pembelajaran persekitaran kepada pelajar proses membentuk keperibadian diri. Oleh itu, penjagaan persekitaran tempat tinggal mahupun sekolah perlu dijaga bahkan perlunya penerapan nilai positif agar memberikan kesan kepada tingkah laku seseorang.

Cabaran Pembentukan Keperibadian Muslim

Cabaran Sistem Pendidikan

Menurut Mohd Zurita & Engku Alwi (2022), sistem pendidikan negara menjadi salah satu penyumbang kepada suatu faktor gejala sosial. Hal ini melibatkan segelintir pendidik tidak berupaya membentuk diri mereka sebagai seorang pembimbing dan contoh teladan kepada pelajar. Mas'od & Mohamad (2021) telah menjelaskan bahawa sahsiah adalah elemen utama dalam kehidupan Muslim maka guru perlu memiliki sahsiah mulia agar mudah untuk mendidik muridnya berkelakuan baik. Tambahan lagi, seorang guru mesti mempunyai personaliti mahupun sahsiah yang unggul bahkan perlu memiliki sebelum memasuki alam persekolahan. Sekiranya, guru memiliki personaliti yang unggul maka mudah mempengaruhi akhlak dan rohani pelajar begitu juga sebaliknya.

Cabaran Media Massa

Menurut Mohd Zurita & Engku Alwi (2022), pengaruh negatif media massa sangat memberikan impak dalam aspek agama, politik, ekonomi dan sosial. Tambahan lagi, media massa turut memaparkan statistik keruntuhan akhlak yang bertambah dari masa ke semasa yang melibatkan pelbagai isu perilaku negatif yang timbul (Abd Mutalib & Anas, 2020). Sekiranya penggunaan media massa tiada kawalan mahupun sekatan dalam penggunaannya ia amat membimbangkan kerana berlakunya kerosakan terhadap nilai akhlak dan moral kepada generasi akan datang (Kirman, Hassan, Anwar, Mohd Kfir & Wan Jaafar, 2021). Media massa sudah tentu memberikan pengaruh yang sangat kuat sehingga merosakkan dan mengubah nilai Islam sehingga berlaku kecelaruan nilai ajaran Islam dan tuntutan budaya dan sosial (Sarwila, Susilawati, Rosalinda, & Chanifudin, 2024).

Cabaran Pengaruh Rakan Sebaya

Rakan merupakan individu yang paling dekat dengan diri seseorang sehingga kebanyakan individu meletakkan taraf rakan sejajar dengan keluarga sendiri bahkan ada yang melebihi keluarga mereka. memilih rakan yang baik akan membentuk suatu keperibadian dan akhlak

yang baik kepada diri sendiri begitu juga dengan sebaliknya (Wan Ismail et al., 2022). Proses kematangan yang sama menjadikan pengaruh sangat besar dalam sebuah pembentukan akhlak dan peribadi sehingga ia menjadi sumber yang kuat dalam mengubah nilai dan sikap berbanding keluarga sendiri (Ismail et al., 2022). Tambahan lagi, rakan sebaya turut menjadi salah satu faktor persekitaran yang juga mampu membangun keperibadian yang baik.

Berdasarkan kepada pandangan Yahaya et al (2024), rakan sebaya sangat memainkan peranan penting dalam perkembangan remaja di mana mereka merupakan satu kumpulan yang mempunyai minat yang sama, umur, latar belakang dan status sosial. Menurut pandangan Ghazali et al. (2023) sesorang yang mempunyai rakan yang mendorong kepada aktiviti yang berfaedah secara tidak langsung akan mempengaruhi tingkah laku mereka. Oleh itu, Yahaya et al. (2024) menekankan bahawa hubungan remaja dengan rakan sebaya perlu dipupuk kearah kebaikan dan perlakuan yang positif bahkan golongan remaja perlu dibimbing dalam memilih dan bergaul dengan rakan memberikan impak positif.


Cabarau Kurang Didikan Agama

Secara umum, pembentukan akhlak seseorang itu bermula daripada tanggungjawab ibu bapa yang menjadi dasar dalam menyemai nilai dalam diri anak mereka (Shafrianto & Pratama, 2021). Hal ini juga disokong oleh Wan Ismail et al. (2022) di mana isu keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja adalah berpuncanya daripada latar belakang keluarga yang tidak memberi penekanan akan didikan agama. Samat & Mohd Kamal (2021) membuktikan nilai tinggi 4.22 bagi kepentingan didikan agama perlunya disemai dalam diri dalam membendung isu keruntuhan akhlak. Sekiranya ibu bapa tidak memainkan peranan mereka, maka kurangnya didikan agama yang diperoleh oleh remaja pada usia muda sehingga membentuknya pada usia remaja semakin sukar.

Kerangka Teori Dan Konseptual

Kajian ini tertumpu kepada Teori Persekutaran Ibnu Khaldun sebagai pemboleh ubah tidak bersandar manakala Model Sahsiah Keperibadian Muslim daripada Imam Al-Ghazali sebagai pemboleh ubah bersandar. Rajah berikut menunjukkan model Teori Ekologi persekitaran yang diperkenalkan oleh Ibnu Khaldun yang mempunyai hubungan dengan sahsiah pelajar.


Rajah 3: Teori Persekutaran Ibnu Khaldun



Sumber: Teori Ekologi Persekutaran Ibnu Khaldun

Menurut Ibnu Khaldun (1967, 2006), teori ini sangat menekankan amalan dalam membentuk sahsiah keperibadian seseorang kerana bagi beliau persekitaran yang menjadi kebiasaan akan memberikan kesan kepada akhlak seseorang (Arifin & Mat Teh, 2020). Berdasarkan rajah, terdapat tiga kitaran iaitu aktiviti, amalan dan teladan yang mana menunjukkan melalui aktiviti harian ia akan menjadi satu amalan sekali gus contoh dan ikutan sehari-hari seseorang. Seterusnya, melalui teori yang diperkenalkan oleh Ibnu Khaldun maka pengkaji juga turut mengemukakan pandangan daripada sarjana barat berkaitan teori ini iaitu Teori Ekologi yang diperkenalkan oleh Bronfenbrenner (1979). Teori ini diambil kira sebagai suatu sokongan terhadap kajian yang dikaji.


Rajah 4: Teori Ekologi Yang Diperkenalkan Oleh Bronfenbrenner (1979)



Sumber: Diubahsuai dari Teori Bronfenbrenner 1977

Teori Bronfenbrenner (1979) melalui rajah menunjukkan bahawa persekitaran boleh membentuk tingkah laku seseorang. Tambahan lagi, teori menunjukkan beberapa tahap yang mana mempengaruhi perkembangan seseorang daripada zaman kanak-kanak sehingga peringkat seterusnya. Namun begitu, setiap orang mengalami persekitaran berbeza yang mana akan mempengaruhi tingkah laku mereka bergantung kepada interaksi pada setiap peringkat persekitaran tersebut. Teori ini memfokuskan persekitaran kanak-kanak dalam proses perkembangan mereka. Seterusnya, model pembangunan akhlak imam Al-Ghazali dijadikan sebagai rujukan kepada pembinaan kerangka konsep kajian.


Rajah 5: Model Pembangunan Akhlak Al-Ghazali.



Sumber: Model Pembangunan Akhlak Al-Ghazali, 2022

Rajah 4 menunjukkan suatu model pembentukan akhlak yang dibangunkan oleh Al-Ghazali yang mana model ini bertujuan menghasilkan insan yang memiliki akhlak yang soleh. Model ini dibangunkan mengikut sudut pandangan Al-Ghazali dalam membentuk keperibadian yang baik dalam diri seseorang. Melalui model kajian serta kerangka teori tersebut telah dapat dibangunkan satu kerangka konsep kajian berdasarkan rajah 5.

Rajah 6: Model Pembangunan Keperibadian Muslim berpandukan Teori Persekutaran Ibnu Khaldun



Dapat dirumuskan bahawa melalui Teori Persekutaran Ibnu Khaldun sekaligus Teori Ekologi Bronfenbrenner sebagai penyokong mampu menghasilkan persekitaran yang baik. Hal ini kerana keduanya saling berkait rapat dalam mewujudkan suasana persekitaran sekolah yang positif dan menitikberatkan ajaran Islam dalam kehidupan harian. Melalui gambar rajah ini

juga menunjukkan bahawa faktor persekitaran seperti guru, ibubapa, rakan dan sekolah memberikan kesan yang besar terhadap pembentukan sahsiah keperibadian seseorang sama ada dari peringkat awal hingga seterusnya.

Kesimpulan

Berdasarkan kepada Teori Persekutaran Ibnu Khaldun dan Bronfenbrenner dilihat terdapat beberapa elemen persekitaran yang mendorong suatu tingkah laku positif antaranya ibu bapa, guru, rakan dan juga sekolah. Keempat elemen ini merangkumi aspek persekitaran sosial yang mampu memberikan impak kepada akhlak seseorang sama ada baik ataupun buruk. Perkembangan manusia wujud apabila terjadi interaksi daripada persekitaran dan pengaruh persekitaran ini juga akan membangun karakter diri seseorang berdasarkan penerimaan serta kefahaman mereka terhadap suasana yang dialami. Justeru itu, sebuah persekitaran baik yang bercirikan aktiviti, amalan dan teladan sepertimana ditekankan dalam Teori Persekutaran Ibnu Khaldun mampu mempengaruhi keperibadian seseorang.

Penghargaan

Kajian ini merupakan satu peringkat awal dalam mengenalpasti segala pembolehubah yang terlibat dalam kajian pengarang utama. Tambahan lagi, setinggi penghargaan kepada pihak institusi kerana memberikan peluang untuk melakukan kajian ini pada peringkat sarjana di Universiti Malaysia Sabah. Pengkaji turut mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat terutamanya penyelidik terdahulu yang karnyanya dapat dijadikan sumber rujukan dalam melengkapkan penulisan artikel ini. Semoga segala usaha ini dapat menjadi sumbangan kecil dalam pengembangan ilmu yang bermanfaat kepada semua.

Rujukan

- Abdul Ghafar, N. N., Mohamad Yusop, Y., Zainudin, Z. N., & Wan Othman, W. N. (2020). Kajian Keperluan Pembinaan Modul Pendedahan Kerjaya Kepada Murid Sekolah Rendah : Pandangan Guru. *International Conference On Educational Research (Incer 2020)*.
- Abdul Ghani, M. H., & Hashim, A. (2021). Penglibatan Pelajar Dalam Program Keagamaan Di Politeknik Zon Se. *Journal Of Technical And Social Sciences, V.1*.
- Abdul Hakim. (2022). Kesan Kurikulum Pelajaran Ugama Terhadap Pembangunan Sahsiah Pelajar Institusi Pengajian Tinggi (Ipt) Islam Negara Brunei Darussalam.
- Abdul Hatim, A. S., Sahad, M. N., & Mohamad Rasit, R. (2020). Persepsi Pelajar Terhadap Pembentukan Akhlak Melalui Penerapan Nilai Murni Dalam Aktiviti Dakwah Kesenian Di Smka Negeri Kedah. *International Journal Of Islamic And Civilizational Studies, Vol.7(2)*, 1-16.
- Abdullah, M. H., Jaes, L., Rozali, M. Z., Azhar, N., Kamaruddin, Y., & Maula, A. (2022). Analisis Tinjauan Literatur Sistematik (Slr): Elemen Humanisme Dalam Sistem Pendidikan. *Human Sustainability Procedia, Vol.2(No.2)*, 57-67.
- Abdullah Hadi, N. H., & Hamzah, M. I. (2020). Tahap Amalan Penghayatan Pendidikan Islam Dalam Kalangan Pelajar Islam Di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (Sjkc). *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan*.
- Abdullah, S. (2022). Keselarasan Teori Ketamadunan Ibn Khaldun dengan Konsep Keluarga Malaysia. *Jurnal Pengajian Islam, Bil.15*, 154-167.
- Abdul Rahman, H. (2023). Sumbangan Islam Dalam Korpus Ilmu Berkaitan Persekutaran. *Prosiding Seminar Antarabangsa Ke-11, Ekologi, Habitat Manusia & Perubahan Persekutaran Di Alam Melayu*, 224-239.

- Abdul Karim, A. K., & Suhaimi, N. (2020). Kepentingan Teori dan Ilmu Sosiologi dalam Konteks Pendidikan Menurut Perspektif Ibnu Khaldun. *Jurnal Tuah*, Vol.1, 41-53.
- Abu Bakar, R., Mustaffa, S., & Sahidan, S. H. (2020). Persepsi Pelajar Terhadap Program Pemantapan Sahsiah Dan Tahap Pengetahuan Serta Amalan Asas Islam Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin. *Proceeding International Multidisciplinary Conference (Imc 2020)*.
- Al-Ghazali. (1983). *Al-Ghazali Menjawab 40 Soalan Islam Abad 20*. Penerbit Mizan.
- Al-Ghazali, M. (2002). *Akhlaq Seorang Muslim*. Crescent New (K.L.) Sdn. Bhd.
- Azman, N. F., Kennedy, N. N., Osman, K., & Mokhtar, A. I. (2023). Pendekatan Dakwah Kepada Golongan Remaja Berdasarkan Manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah.
- Basir, M. Z. L. K., Md. Sham, F., Tan Abdullah, N. A. M., Mohd Samsi, M. S., & Gerunsin, N. (2023). Kesepadan Model Bimbingan Al-Ghazalidan Ibnu Khaldun Dalampelaksanaan Program Dakwah Mualaf. *Proceedings Borneo International Islamic Conference*, V.14, 228-238.
- Basri, N. A., Amir, R., & Amran, M. S. (2023). Gaya Keibubapaan, Intimasi Rakan Sebaya Dan Hubungannya Dengan Tingkah Laku Disruptif Pelajar. *Malaysia Correctional Journal*, 2, 64-79.
- Euseope, N. (2021). Integriti Dalam Kalangan Pelajar Muslim Di Ipta: Satu Tinjauan Awal. *Journal Of Islamic Management And Finance*, Vol 1(2), 17-31.
- Farikhin, A. (2024). *Konsep Pendidikan Islam Dalam Perspektif Ibnu Khaldun*. Cv. Adanu Abimata.
- Ghazali, M. I., Wan Ismail, W. O. A. S., Amri, M. S., Mohd Sukeri, M., Suhaimi, N. A. S., & Jaafar, S. S. (2023). Elemen Persekutaran Mempengaruhi Kecemerlangan Akademik Murid Tingkatan Lima Di Sekolah Menengah Agama. *Asian People Journal*, Vol 6(1), 178-189.
- Hasanah, M. N., Asroriah, F., & Chasanah, U. (2024). The Ideal Education Cocept According to Ibn Khaldun's Thought: Relevance and Application in the Modern Era. *Al-Lubab*, Vol.10.
- Hendri, & Hanani, S. (2024). Ibn Khaldun's Thought On The Use Of Culture In Chatacter Education. *INTIQAD: Jurnal Agama Dan Pendidikan Islam*, Vol.16.
- Ibda, H. (2022). Ekologi Perkembangan Anak, Ekologi Keluarga, Ekologi Sekolah Dan Pembelajaran. *Asna: Jurnal Kependidikan Islam Dan Keagamaan*, 4(2), 75-93.
- Ibn Khaldun. (2006). *Mukaddimah Ibn Khaldun*. Erj. Dewan Bahasa Dan Pustaka. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Ibnu Khaldun. (1981). *Muqaddimah Ibnu Khaldun*. Beirut: Dar Al-Fikr.
- Ibnu Khaldun. (2001). *Mukaddimah Ibnu Khaldun*. Terjemahan Edisi Indonesia: Pustaka Al-Kautsar.
- Ibnu Khaldun. (2002). *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Dewan Bahasa Dan Pustaka. Malaysia.
- Ibnu Khaldun. (2024). *Mukaddimah Ibnu Khaldun*. Terjemahan Dewan Bahasa Dan Pustaka: The Biblio Press Enterprise.
- Ibnu Khaldun, & Abd Al-Rahman. (2000). *Muqaddimah Ibnu Khaldun*. Terj. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Jamat, L. T., Djasmir, M., & Surat, S. (2023). Kecenderungan Mencintai Al Quran Dan Pembentukan Akhlak Dalam Kalangan Pelajar Islam Tingkatan 5 Smk Kota Samarahan, Sarawak. *Jurnal Dunia Pendidikan*, Vol.5(2), 261-272.
- Jannah, M. (2020). Peran Pembelajaran Aqidah Akhlak Untuk Menanamkan Nilai Pendidikan Karakter Siswa. *Al-Madrasah: Jurnal Ilmiah Pendidikan Madrasah Ibtidaiyah*, 4(2), 237-252.

- Jias Mengki1, Warul Walidin, & Mahmud, S. (2023). Comparison Of Personality Concepts According To Islam And The West. *International Journal Of Education, Language And Social Science, Vol. 1 (1)*.
- Mohamad, N., Abd Razak, S. R., & Ibrahim, S. Z. (2022). Kefahaman Terhadap Konsep Penghayatan Islam Dalam Keluarga Muslim Di Malaysia. *Muzakarah Fiqh & International Conference*.
- Mohamad, N., Abd Razak, S. R., Ibrahim, S. Z., & Asmad, A. F. (2022). Kefahaman Terhadap Konsep Penghayatan Islam Dalam Keluarga Muslim Di Malaysia. *6th Muzakarah Fiqh & International Conference*.
- Mohamad Amin, A. F., Zakaria, Z., Spawi, M., Anuar, N. A., & Isleh, A. R. S. (2023). Trend Persekutaran Sosial Dan Implikasi Terhadap Tanggungjawab Diri Remaja Generasi Z (Social Environment Trends And Implications For The Self-Responsibility Of Generation Z). *Journal Of Islamic Social Sciences And Humanities, V.31(2)*, 131-142.
- Mohd Zurita, N. A. A., & Engku Alwi, E. A. Z. (2022). Hubungan Akidah Dan Akhlak Dalam Pembentukan Individu Muslim Di Malaysia. *Bitar International Journal Of Civilizational Studies And Human Sciences, Volume 5(Issue 4)*, 101-111.
- Musleh, N. S., & Mamat, S. (2023). Hubungan Antara Gaya Asuhan Ibu Bapa Dengan Tingkah Laku Delinkuen Remaja Di Sekolah Menengah Kebangsaan Pasir Gudang 1, Johor. *Jurnal'ulwan, Vol.8(2)*, 112-123.
- Sahrin, S., & Abdul Ghani, M. Z. (2022). Pendekatan Al-Muaddib Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Guru Pendidikan Islam. *Jurnal Pengajian Islam, Vol. 15(2)*, 241–259.
- Sairan, M. A. A., & Ahmad, S. (2022). Perspektif Pemikiran Tokoh Islam Muhammad Uthman El-Muhammady Terhadap Teori Sosial, Masyarakat Asabiyyah Dan Kebudayaan. *Jurnal Pembangunan Sosial, Vol. 25*, 121-139.
- Yunus, R., & Baharudin, H. (2024). Tahap Amalan Agama Terhadap Sikap Sukarelawan Pelajar Tingkatan Empat Sekolah Menengah Agama Di Daerah Hulu Langat, Selangor. *International Journal Of Contemporary Education, Religious Studies And Humanities (Jcerah), Vol.4(1)*, 8-26.
- Valaitham, N. A. S., Abdullah, R., Mansor, N. H., & Fitriani, W. (2024). Penglibatan Komuniti Dalam Program Pemulihan Remaja Hamil Luar Nikah Di Rumah Perlindungan Terpilih. *Jurnal Syariah, Jil 32, Bil. 1*, 100-128.
- Zuhroh, F., & Bahroni. (2023). Konsep Pendidikan Anak Dalam Keluarga Perspektif Muhammad Quraish Shihab. *Jurnal Kajian Pendidikan Islam, V.2*.